

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 22 OGOS 2019

MUKA SURAT: 06

Keputusan inkues Muhammad Adib 27 September

SHAH ALAM 21 Ogos - Mahkamah Koroner hari ini menetapkan keputusan inkues bagi menentukan punca kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd. Kassim adalah pada 27 September hadapan.

Keputusan itu dibuat Koroner Rofiah Mohamad setelah meneliti semua keterangan yang diambil daripada saksi.

"Setelah meneliti semua keterangan saksi, tiada apa lagi untuk diteruskan.

"Mahkamah menetapkan tarikh keputusan inkues pada 27 September pada pukul 10 pagi," katanya.

Terdahulu, pada 24 Julai lalu, Rofiah memaklumkan pihaknya menutup prosiding tersebut setelah berpuas hati dengan semua keterangan diberikan saksi.

Rofiah juga menetapkan tiada lagi saksi lain yang akan dipanggil dalam prosiding inkues bagi menentukan punca kematian Muhammad Adib.

Prosiding inkues bagi me-



tentukan punca kematian Muhammad Adib telah berlangsung selama 41 hari, bermula pada 11 Februari lalu, memanggil 30 saksi termasuk beberapa saksi pakar dan mengemukakan 137 eksibit.

Muhammad Adib, 24, yang merupakan anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Subang Jaya cedera parah.

Dia dipercayai diserang dan dipukul perusuh dalam kejadian kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November 2018.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember tahun lalu.